



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

HEBAHAN AWAM

PENUTUPAN SEMENTARA SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (I-SPKP) BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN.

KUALA LUMPUR – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin memaklumkan kepada semua pihak bahawa kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (i-SPKP) akan dilaksanakan bermula jam 11.00 pagi, 2 Januari 2024 (Selasa) sehingga satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

Sepanjang tempoh tersebut, hanya beberapa permohonan dapat dilaksanakan melalui sistem i-SPKP iaitu Permohonan Kad Pemandu, Permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (IBL) dan Permohonan Permit Rentas Sempadan (AGVCBP). Manakala bagi permohonan lain termasuk pelesenan kenderaan dan pembaharuan boleh dibuat secara fizikal di semua kaunter APAD.

Dalam masa yang sama, APAD memberi jaminan bahawa mana-mana permohonan yang telah dibuat melalui i-SPKP akan diproses mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan tidak akan terjejas.

Pihak APAD memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku dan keprihatinan semua pihak amatlah dihargai.

Sekian, harap maklum.

Disediakan oleh

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
2 Januari 2024